

## 08

### *Kajian Pengajaran: Kemahiran Menjawab Soalan Kefahaman Jenis Inferens*

**Helmeleya Mohd Jamil**

helmeleya\_a@moe.edu.sg

**Kasimah Kassim**

kasimah\_kassim@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Huamin

#### *Abstrak*

Murid sering menghadapi kesukaran untuk menjawab soalan kefahaman yang berbentuk inferens. Ini jelas terbukti berdasarkan markah yang diperoleh murid bagi soalan inferens amat rendah semasa peperiksaan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membina kemahiran murid dalam menjawab soalan inferens dengan betul. Sehubungan dengan itu, kajian ini mengaplikasikan proses kognitif, iaitu pemikiran dan penjelasan mengenai soalan berbentuk inferens yang merupakan salah satu proses asas seperti yang diutarakan oleh Robert J. Marzano. Kajian ini merupakan kajian pengajaran yang melibatkan 22 orang murid dari Darjah 3. Berdasarkan strategi yang digunakan, dapatan kajian menunjukkan peningkatan dalam prestasi murid menjawab soalan kefahaman yang berbentuk inferens. 77% murid berjaya mendapat markah penuh untuk soalan berbentuk inferens semasa peperiksaan akhir tahun jika dibandingkan hanya 50% murid sahaja yang berjaya menjawab soalan berbentuk inferens di peringkat peperiksaan pertengahan tahun. Hal ini membuktikan keberkesanan strategi yang digunakan dalam kajian pengajaran dan membantu murid meningkatkan kemahiran menjawab soalan kefahaman yang berbentuk inferens.

**Kata Kunci:** kajian pengajaran, kefahaman, soalan inferens, pembelajaran kooperatifunsur kechap



## PENGENALAN

Kemahiran menjawab soalan kefahaman memerlukan pemahaman yang mendalam mengenai petikan dan jenis soalan yang diberikan. Kebanyakan murid hanya dapat menjawab soalan kefahaman yang berbentuk literal. Mereka sering menghadapi kesukaran untuk menjawab soalan kefahaman yang berbentuk inferens kerana gagal mencari klu atau petunjuk yang terdapat dalam petikan. Kesukaran menjawab soalan inferens biasanya berpunca daripada kegagalan murid membuat inferens tentang petikan yang dibaca. Biasanya, jawapan bagi soalan inferens ini tidak dinyatakan dengan jelas dalam petikan. Murid harus menggabungkan pemahaman literal daripada teks dengan pengetahuan mereka sendiri dan membuat kesimpulan sendiri. Oleh itu kajian ini mengaplikasikan proses kognitif seperti yang diutarakan oleh Robert J. Marzano (1998)

## PERNYATAAN MASALAH

Murid-murid sering didedahkan kepada soalan kefahaman yang berbentuk literal sahaja di peringkat Darjah 1 dan 2. Namun, bermula dari peringkat Darjah 3, murid dikehendaki menjawab soalan yang berbentuk inferens. Berdasarkan latihan di kelas dan peperiksaan pertengahan tahun, guru-guru mendapati ramai murid menghadapi kesukaran untuk menjawab soalan-soalan kefahaman yang berbentuk inferens. Mereka tidak dapat menjawab soalan kerana gagal memahami soalan inferens dan juga mencari klu atau petunjuk dalam petikan yang diberikan. Murid juga kurang pasti cara yang betul bagi menjawab soalan kefahaman yang berbentuk inferens.

Guru juga ingin meningkatkan kemahiran murid menjawab soalan kefahaman yang berbentuk inferens bermula dari peringkat Darjah 3. Murid harus mempunyai kemahiran ini kerana mereka perlu menjawab lebih banyak soalan berbentuk inferens di peringkat Darjah 4 ke atas. Oleh itu, kemahiran murid harus dibina dari awal bagi membantu mereka menjawab soalan kefahaman yang berbentuk inferens dengan baik.



## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah seperti berikut:

1. untuk membina kemahiran murid memahami soalan berbentuk inferens; dan
2. untuk membina keupayaan murid menjawab soalan kefahaman berbentuk inferens.

## KAJIAN LEPAS

Terdapat banyak kajian yang berkaitan antara kefahaman dan soalan berbentuk inferens. Menurut Anderson dan Pearson (1984), keupayaan untuk membuat inferens ialah bahagian yang penting dalam proses kefahaman, walaupun dalam kalangan kanak-kanak kecil.

Dole, Duffy, Roehler dan Pearson (1991) menambah bahawa kemahiran membuat inferens merupakan nadi bagi proses kefahaman. Malah petikan yang pendek juga memerlukan seseorang untuk melakukan inferens bagi memahami teks yang dibaca.

Tovani (2000) pula menyatakan bahawa membuat inferens memerlukan kemahiran pemikiran aras yang tinggi dan merupakan kemahiran yang sukar dikuasai oleh kebanyakan murid. Kemahiran pemikiran inferens diperlukan apabila pembaca menggabungkan petunjuk daripada teks dengan pengetahuan sedia ada mereka sendiri untuk membuat kesimpulan. Jawapan yang tersedia dalam teks tidak dinyatakan secara langsung. Oleh itu, pembaca perlu menjadi detektif, menggunakan petunjuk yang diberikan untuk membantu mereka memahami teks. Pembaca perlu membaca apa yang tersirat dan membina idea mereka sendiri untuk membuat kesimpulan yang bermakna.

Menurut Marzano (2010), inferens adalah kemahiran asas, iaitu satu prakeperluan untuk pemikiran aras yang tinggi dan kemahiran yang amat diperlukan dalam abad ke-21. Walaupun kemahiran membuat inferens memerlukan pemikiran aras yang tinggi, kemahiran ini boleh diajar melalui



arahan-arahan terperinci dalam strategi memahami soalan berbentuk inferens. Berdasarkan kajian yang telah diutarakan oleh para pengkaji, kajian ini akan mengaplikasikan apa yang diutarakan oleh Marzano.

Vygotsky (1978) yang ditukil oleh Gilles (2007) menegaskan bahawa interaksi dengan rakan amat penting untuk perkembangan fungsi kognitif yang lebih tinggi dalam kalangan murid. Melalui aktiviti yang menekankan aspek kolaboratif, murid diperkenalkan kepada cara pemikiran yang baharu apabila mereka berinteraksi dengan rakan yang lebih baik penguasaan bahasa mereka. Interaksi yang dinamik biasanya berlaku dalam kerja berkumpulan dan membolehkan teretusnya pelbagai saranan yang boleh membina dan membantu murid yang lemah.

## **KAEDAH KAJIAN**

### Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 22 orang murid Darjah 3 yang mengambil bahasa Melayu daripada kelas berkeupayaan sederhana. Pemilihan ini dilakukan kerana kumpulan murid ini sering menghadapi kesukaran untuk menjawab soalan kefahaman yang berbentuk inferens. Walaupun murid rata-rata boleh menjawab soalan kefahaman, mereka selalu tidak dapat menjawab soalan kefahaman berbentuk inferens dengan betul. Kelemahan ini jelas terbukti berdasarkan markah yang diperolehi semasa murid menyelesaikan kerja harian dan semasa murid menjawab soalan berbentuk inferens dalam peperiksaan.

### Instrumen Kajian

Kajian ini mengaplikasikan strategi oleh Robert J Marzano. Selain itu, borang pemantauan bagi pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan oleh para guru pemerhati yang terlibat dalam kajian pengajaran yang dijalankan turut digunakan untuk meneliti pencapaian murid. Borang ini digunakan oleh guru pemerhati bagi mencatat setiap perkara yang diperhatikan semasa pengajaran sedang berlangsung.



### Prosedur Kajian

Kajian pengajaran yang dijalankan telah melalui beberapa proses perbincangan yang terperinci dalam kalangan guru. Ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran murid dalam menjawab soalan kefahaman berbentuk inferens. Perbincangan yang memakan masa tiga bulan ini mengambil kira profil dan keupayaan murid sebelum proses membina langkah-langkah pengajaran dilakukan.

Pelbagai teknik pengajaran dan aktiviti telah dirancang untuk mengukuhkan proses pembelajaran murid. Semasa kajian pengajaran dijalankan, guru-guru yang terlibat telah memantau respons murid ketika mereka melakukan aktiviti. Setelah pelajaran selesai, sesi perbincangan diadakan untuk meneliti respons murid semasa melakukan aktiviti yang telah dirancang. Perbincangan dalam kalangan guru yang terlibat ini bertujuan untuk meneliti sebarang kekurangan yang harus diperbaiki dan menghalusi teknik pengajaran supaya lebih bersesuaian dengan tahap dan kesediaan murid.

Kajian pengajaran ini dilaksanakan dalam jangka masa 60 minit. Pengajaran dilaksanakan mengikut beberapa peringkat.

#### Peringkat Pertama

Pengajaran dimulakan dengan guru mengadakan permainan. Murid diminta meneka barang yang ada di dalam beg guru. Setelah murid meneka, guru akan menunjukkan benda maujud yang ada di dalam beg tersebut. barang-barang yang terdapat di dalam beg guru seperti sikat, kunci, telefon bimbit, buku dan minyak wangi. Guru akan menunjukkan cara untuk membuat kesimpulan. Setelah itu, murid akan membuat kesimpulan berdasarkan benda maujud tersebut. Guru akan menerangkan kepada murid bahawa apa yang telah mereka lakukan adalah aktiviti membuat inferens mengenai sesuatu perkara. Guru akan memberikan beberapa lagi contoh latihan untuk melakukan inferens.



#### Peringkat kedua

Guru menerangkan mengenai objektif pengajaran dan langkah-langkah pembelajaran yang disediakan. Menurut Saphier, Haley-Speca dan Gower (2008), apabila guru menjelaskan objektif pelajaran, murid lebih bersedia untuk menerima pelajaran dan lebih fokus ketika mereka membaca. Pendekatan ini selaras dengan amalan pengajaran yang menggunakan pendekatan pengajaran secara eksplisit.

#### Peringkat ketiga

Setelah menerangkan mengenai konsep soalan berbentuk inferens, guru membuat *modelling* untuk membimbing murid menjawab soalan berbentuk inferens. Menurut Saphier, Haley-Speca dan Gower (2008a), *modeling* ialah proses untuk menjelaskan makna sesuatu konsep dan juga bertujuan untuk mengekalkan konsep yang dipelajari di dalam ingatan murid dengan menunjukkan cara bagaimana sesuatu kemahiran atau pengetahuan itu digunakan atau dilakukan.

#### Peringkat keempat

Guru menerangkan kepada murid cara-cara untuk mendapatkan jawapan berdasarkan klu dari teks yang diberikan. Di dalam aktiviti selanjutnya, guru akan memberikan dua teks bacaan dan soalan-soalan kepada murid. Murid dikehendaki berbincang dalam kumpulan. Guru memperuntukkan masa selama 20 minit untuk aktiviti ini. Strategi *Numbered-Heads-Together* digunakan di dalam aktiviti ini. Menurut Jolliffe (2007), pembelajaran yang menggunakan strategi pembelajaran koperatif menunjukkan tiga kategori kelebihan, iaitu dari segi pencapaian, hubungan peribadi dan kesihatan psikologi serta kecekapan sosial.

#### Peringkat kelima

Murid berbincang mengenai jawapan mereka. Sebagai penutup pelajaran, guru akan mendapatkan respons murid mengenai apa yang telah pelajari untuk menilai dan juga mengukuhkan lagi pengetahuan murid untuk memastikan objektif pelajaran yang ditetapkan lebih awal tercapai.



## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Markah yang diperoleh murid yang terlibat dalam kajian pengajaran ini telah dipantau dan diteliti bagi tujuan analisis. Markah bagi komponen kefahaman inferens dalam peperiksaan SA1 telah digunakan untuk dibandingkan dengan markah peperiksaan SA2 dalam komponen yang sama. Setelah pencelahan, 77% murid telah mendapat markah penuh dalam komponen tersebut. Ini berbeza dengan pencapaian mereka sebanyak 50% sahaja dalam peperiksaan SA1.

Berdasarkan dapatan kuantitatif seperti yang dinyatakan di atas, jelas menunjukkan kemahiran murid dalam menjawab soalan kefahaman berbentuk inferens telah meningkat. Murid didapati lebih berupaya untuk mengikuti teknik yang diajarkan semasa kajian pengajaran.

Penggunaan pembelajaran koperatif dalam pembelajaran membolehkan murid bekerjasama dalam kumpulan. Dapatan kajian selaras dengan apa yang ditegaskan oleh Vygotsky (1978) dan ditukil oleh Gilles (2007) yang menyatakan bahawa interaksi dengan rakan amat penting untuk perkembangan fungsi kognitif yang lebih tinggi dalam kalangan murid. Murid diperkenalkan kepada cara pemikiran yang baharu apabila mereka berinteraksi dengan rakan-rakan yang lebih baik penguasaan bahasanya. Murid yang lemah secara tidak langsung meraih manfaat daripada sesi pembelajaran secara kolaboratif dan belajar daripada rakan-rakan mereka yang lebih baik.

## KESIMPULAN

Perancangan yang telah diberikan kepada murid dapat membantu mereka untuk menjawab soalan kefahaman berbentuk inferens dengan baik. Murid lebih memahami konsep soalan inferens dan mengetahui apa yang diperlukan untuk menjawab soalan tersebut. Dengan adanya perancangan yang teliti, murid dapat menjawab soalan-soalan inferens dengan baik. Namun, usaha lanjutan akan tetap dilakukan untuk memperbaiki pengajaran kefahaman yang lebih efektif dengan meneroka pelbagai pendekatan bagi merangsang pembelajaran dalam kalangan murid.



## RUJUKAN

- Anderson R. C. & Pearson P. (1984). *Research methodology on the use of verbal reports in reading research*. *Journal of Reading Behavior*, 16, 307-322.
- Dole J.A., Duffy G.G., Roehler L.R., & Pearson P.D. (1991). *Moving from the old to the new: Research on reading comprehension instruction*. *Review of Educational Research*, 61(2), 239-264
- Leech G. 1992. Corpora and theories of linguistic performance. Dlm. Jan Svartvik (ed.). *Directions in Corpus Linguistics*. Proceedings of nobel symposium 82. Stockholm: Mouton de Gruyter.
- Gilles R. M. (2007). *Cooperative Learning. Integrating Theory and Practice*. California: Sage Publications Inc.
- Jolliffe W. (2007). *Cooperative Learning In The Classroom. Putting it into practice*. London: Paul Chapman Publishing.
- Marzano R. (2010). Teaching inference. *Educational Leadership*, 67(7), 80-01. Available online at <http://www.ascd.org/publications/educational-leadership/apr10/vol67/num07/Teaching-Inference.aspx>
- Saphier J., Haley-Speca, M. A., & Gower R. (2008). *The Skillful Teacher*. (6th edition). U. S. A.: Research for Better Teaching Inc.
- Tovani C. (2000). *I read it, but I don't get it: Comprehension strategies for adolescent readers*. Portland, ME: Stenhouse Publishers.

